

01/04/1998

Perkhidmatan bas mini berakhir

KUALA LUMPUR, Selasa - Bas mini yang dianggap nadi pengangkutan awam di ibu kota menamatkan perkhidmatannya tengah malam ini, selepas hampir 23 tahun beroperasi.

Sejak diperkenalkan pada Ogos 1975, perkhidmatan bas mini mengalami beberapa perubahan termasuk penyeragaman warnanya kepada merah jambu pada 1992 ekoran cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, mutu perkhidmatannya juga ditingkatkan dengan pengenalan bas mini berhawa dingin.

Daripada tambang asal bas itu 40 sen, ia dinaikkan kepada 50 sen pada 80an dan kemudian kepada 60 sen serta 70 sen (bas berhawa dingin) pada tahun 90an.

Dalam tempoh itu juga, bas mini yang sering mendapat jolokan `BMW' (Bas Mini Wilayah) dan kadang kala `tin sardin', tercatat dalam lipatan sejarah pengangkutan awam sebagai perkhidmatan yang banyak berjasa kepada jutaan warga kota.

Berikutan tamatnya perkhidmatan bas mini, mulai esok fungsinya akan diambil alih oleh bas Intrakota.

Bagaimanapun, tinjauan Berita Harian mendapati kebanyakan bekas pemandu mini enggan meneruskan kerjaya sebagai pemandu bas Intrakota kerana pendapatan yang diperolehi di situ lebih rendah daripada apa yang diperolehi sekarang walaupun peluang mereka memperolehi pekerjaan di tempat lain agak tipis.

Sebaliknya, sebahagian mereka mula memohon pekerjaan sebagai pemandu di beberapa syarikat bas termasuk Metrobus, teksi dan lori sejak minggu lalu.

Seorang pemandu bas mini, Razak Badwi, 30, berkata, pendapatan yang diperolehi sebagai pemandu Intrakota tidak setimpal dengan hasil kerja, malah jumlah pendapatan yang diterima tidak mencukupi untuk menyara keluarga.

Beliau yang pernah berkhidmat selama tiga bulan sebagai pemandu Intrakota, serik untuk kembali bekerja dengan syarikat itu sebaliknya memohon untuk menjadi pemandu lori atau teksi.

"Pendapatan sebagai pemandu bas mini lebih lumayan berbanding dengan apa yang saya perolehi daripada Intrakota, malah pemandu Intrakota juga tidak bebas dan terikat dengan pelbagai syarat remeh termasuk wajib memakai topi.

"Pemandu Intrakota boleh memperolehi pendapatan lumayan sekitar RM2,000 sebulan tetapi mereka harus bersengkang mata dan bekerja mulai subuh hingga tengah malam," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Seorang pemandu bas mini, Ahmad Omar Marzuki, 68, berkata segelintir pemandu yang ingin meneruskan kerjaya sebagai pemandu bas memohon bekerja di beberapa syarikat bas kecuali Intrakota.

(END)